

# Batal lesen pengutip hutang ala gengster

KOSMO 23/12/09

KUALA LUMPUR - Bank Negara seharusnya menyenaraihitam dan membatalkan lesen mana-mana ejen pemungut hutang yang dilantik oleh institusi perbankan jika mereka menggunakan kekerasan terhadap pemiutang.

Setiausaha Agung Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (NUBE), J. Solomon berkata, tindakan sedemikian perlu bagi membendung sikap 'ala gengster' sesetengah ejen yang dilantik sekaligus menjaga nama baik institusi perbankan di negara ini.

"Kami tidak setuju dengan sikap pemu-

ngut hutang yang melakukan kekerasan.

"Kami mengesyorkan mana-mana ejen pemungut hutang yang melakukan kekerasan perlu disenarai hitam dan dibatalkan lesen mereka supaya tidak dilantik oleh pihak bank," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chor Chee Heung semalam yang mahu semua pemungut hutang yang dilantik

oleh institusi perbankan tidak menggunakan kekerasan ketika menjalankan tugas

mereka.

Solomon memberitahu, pihak bank sepatutnya melakukan tugas mengutip hutang sendiri tanpa perlu melantik ejen luar walaupun perkara itu dibenarkan dari segi undang-undang.

Menurutnya, ejen-ejen luar yang dilantik tidak mempunyai hubungan kait dengan pelanggan dan hanya mengharapkan komisen daripada pihak bank menyebabkan ejen tersebut sewenang-wenangnya melakukan kekerasan terhadap pelanggan.

"Sekiranya pihak bank sendiri yang melakukan tugas mengutip hutang, saya percaya perkara ini (kekasaran) tidak akan berlaku.

"Ini kerana kakitangan bank tahu mengenai prosedur yang ditetapkan berhubung profesion mereka dan mempunyai hubungan yang baik dengan pelanggan," katanya.



KERATAN muka depan Kosmo! semalam.

+